

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FAHMI B. MOHAMED FADZIL  
(LEMBAH PANTAI)**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [ LEMBAH PANTAI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan remaja yang masih berada di dalam tahanan sama ada di penjara dan pusat tahanan imigresen sehingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada statistik Jabatan Penjara Malaysia, jumlah pesalah muda berumur 21 tahun ke bawah sehingga 25 Ogos 2021 adalah seramai **2,881** orang. Daripada jumlah tersebut, 45 orang adalah banduan reman manakala 2,836 orang banduan sabitan.

Manakala di Jabatan Imigresen Malaysia, terdapat seramai **1,490** orang tahanan muda di Depot Imigresen dan Depot Imigresen Sementara di seluruh negara sehingga 25 Ogos 2021.